

# GUAISIN SYRUP

Guaphenesin (100mg/5ml)

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Guaisin
2. Bagaimana Guaisin berfungsi
3. Sebelum menggunakan Guaisin
4. Cara menggunakan Guaisin
5. Semasa menggunakan Guaisin
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Guaisin
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan Guaisin

Ia digunakan untuk batuk berkahak dan iritasi kerongkong.

## Bagaimana Guaisin berfungsi

Guaphenesin meningkatkan pengeluaran bendalir saluran pernafasan dengan mengurangkan kelekatan dan ketegangan permukaan. Peningkatan pengeluaran bendalir yang kurang likat mempercepatkan pengeluaran bendalir berlebihan.

## Sebelum menggunakan Guaisin

### - Bila tidak boleh menggunakan

Jangan ambil Guaisin jika ada alahan kepada bahan aktif dan tidak aktif yang terkandung dalam Guaisin.

### - Sebelum menggunakan Guaisin

Minta nasihat doktor jika anda hamil atau menyusukan anak.

### - Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasaraya, atau kedai makanan kesihatan.

## Cara menggunakan Guaisin

### - Berapa banyak harus digunakan

Dewasa: 2 camca teh 3 kali sehari. Kanak-kanak 6 – 12 tahun: 1 camca teh 3 kali sehari. Kanak-kanak 2 – 6 tahun: ½ camca teh 3 kali sehari. Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti. Ia mungkin berbeza dari maklumat dalam risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

### - Bila perlu digunakan

Ikat arahan doktor atau ahli farmasi anda.

### - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan ubat ini untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor.

### - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk mengantikan dos yang tertinggal.

### - Jika mengambil berlebihan(terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

## Semasa menggunakan Guaisin

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan doktor, doktor gigi dan ahli farmasi bahawa anda sedang menggunakan Guaisin.

Beritahu doktor dengan segera jika anda hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda. Jangan memberi Mixt. Potassium Citrate kepada sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama dengan anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau mengendalikan jentera. Jika anda terasa loya, pening, letih, atau sakit kepala, jangan memandu atau mengendalikan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

## Kesan-kesan sampingan

Cirit-birit, loya atau muntah, sakit perut dan mengantuk jarang berlaku.. Sila hubungi doktor atau ahli farmasi dengan segera jika anda mengalami sebarang kesan sampingan selepas mengambil ubat ini.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat terus kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel:03-78835550, atau laman web [npra.moh.gov.my](http://npra.moh.gov.my) (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI / Vaccine Safety*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan Guaisin

### - Penyimpanan

Simpan di tempat yang sejuk dan kering, bawah suhu 30°C. Lindungi daripada cahaya. Jauhi ubat daripada kanak-kanak.

### - Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi.

## Maklumat lanjut

### - Rupa dan warna produk

Sirap berwarna perang dan berperisa peppermint.

### - Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif: guaphenesin.
- Bahan tidak aktif: sodium citrate, methyl parabens, propyl parabens, sodium saccharin, liquid caramel, liquid glucose, menthol, alcohol 95%, air dan sirap.

### - Nombor MAL

MAL19912072X

## Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk

Prime Pharmaceutical Sdn. Bhd.  
1505, Lorong Perusahaan Utama 1  
Taman Perindustrian Bukit Tengah  
14000 Bukit Mertajam, Pulau Pinang,  
Malaysia.

## Tarikh kemaskini RiMUP

30/11/2017

## Nombor siri

NPRA(R4/1)291117/00329